AW YANG KEE CHUAN

lwn.

PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL AZIZ MOHAMAD H
[RAYUAN JENAYAH NO. 41-28-91]
29 FEBRUARI 1992

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan di mana siperayu disabitkan - Tidak menyebut satu unsur penting - Iaitu unsur mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai barang yang berkenaan itu barang curi - Kesalahan dibawah s. 411 Kanun Keseksaan.*

Didalam kes rayuan jenayah di Mahkamah Tinggi, *inter alia*, Hakim Yang Arif telah mengambil kira bahawa Majistret yang memutuskan kes ini mendapati cerita perayu tentang cara dia membeli kereta yang dicuri itu adalah tidak munasabah mengikut amalan biasa.

Sebab-sebab yang diberikan oleh Majistret yang bijaksana itu dalam penghakimannya ialah bahawa urusan jual beli dan penyerahan kereta itu dilakukan di suatu lorong berpasir di Sentul Pasar, dan bayaran pendahuluan RM800 telah dibuat oleh perayu tanpa resit, kerana perayu telah dibenarkan mengambil kereta itu setelah membuat bayaran itu, dan kerana harga yang ditetapkan bagi kereta itu ialah RM14,000 hingga RM15,000.

Hakim Yang Arif dalam bidang kuasa rayuan berpendapat Majistret yang bijaksana itu telah gagal memberi pertimbangan sewajarnya kepada beberapa faktor dalam kes ini pada keseluruhannya.

Diputuskan:

[1] Majistret-majistret hendaklah mengambil berat memastikan sesuatu pertuduhan itu menyebut setiap unsur (ingredient) bagi sesuatu kesalahan oleh kerana, jika mana-mana unsur tidak disebut, pertuduhan itu akan gagal memperlihatkan kesalahan.

[2] Majistret yang bijaksana itu tersilap dari segi fakta apabila beliau menyatakan urusan jual beli dan penyerahan kereta itu, menurut keterangan perayu, telah dilakukan di suatu lorong berpasir. Pertimbangan dan tindakan seseorang itu dalam membeli sesuatu barang seperti kereta mungkin boleh ditegur oleh orang yang arif sebagai pertimbangan atau tindakan yang "naive" atau terlalu mempercayai. Hal-hal keadaan pembelian itu mungkin membuat sipembeli itu kelihatan sebagai bodoh atau jahil. Tetapi jika secara kebetulan barang itu barang curi hal-hal keadaan sedemikian tidak semestinya boleh membawa kepada kesimpulan bahawa sipembeli itu mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai barang itu barang curi.

[3] Apabila Majistret yang bijaksana itu membangkitkan, dalam penghakimannya persoalan sama ada tindakan perayu itu adalah munasabah dari segi amalan biasa pembelian kereta, ia menandakan bahawa beliau menghakimi perayu mengikut ukuran seseorang yang cerdik, sedangkan apa yang beliau sepatutnya lakukan ialah menimbang keadaan perayu sendiri.

[4] Tentang beban pembuktian, Majistret yang bijaksana itu, diakhir penghakimannya, berkata beliau mendapati keterangan perayu tidak dapat dipercayai dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan terhadap kes pihak pendakwaan. Nampaknya seolah-olah, pada pendapat Majistret itu, untuk membangkitkan keraguan terhadap kes pihak pendakwaan, perayu mestilah memberi keterangan yang dapat dipercayai, sedangkan kedudukan yang sebenarnya ialah keterangan yang probabel sahaja adalah memadai.

[Rayuan dibenarkan dan sabitan dibatalkan. Hukuman yang dijatuhkan itu diketepikan.]

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code s. 411

Bagi pihak perayu - Karpal Singh: T/n. Karpal Singh & Co
Bagi pihak pendakwa - Mohamad Shariff bin Abu Samah

PENGHAKIMAN

Abdul Aziz Mohamad H:

Terlebih dahulu saya perlu menegur bahawa pertuduhan pilihan terhadap perayu, iaitu pertuduhan di bawah mana dia disabitkan, tidak menyebut satu unsur penting bagi kesalahan di bawah s. 411 Kanun Keseksaan, iaitu unsur mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai barang yang berkenaan itu barang curi. Majistret-majistret hendaklah mengambil berat memastikan sesuatu pertuduhan itu menyebut setiap unsur (ingredient) bagi sesuatu kesalahan oleh kerana, jika mana-mana unsur tidak disebut, pertuduhan itu akan gagal memperlihatkan kesalahan.

Saya tidak bercadang membentang secara terperinci setiap aspek cerita yang perayu berikan dalam membela dirinya. Memadailah saya berkata bahawa Majistret yang memutuskan kes ini mendapati cerita perayu tentang cara dia membeli kereta yang dicuri itu adalah tidak munasabah mengikut amalan biasa. Sebab-sebab yang diberikan oleh Majistret yang bijaksana itu dalam penghakimannya ialah kerana urusan jurujual dan penyerahan kereta itu dilakukan di suatu lorong berpasir di Sentul Pasar, kerana bayaran pendahuluan RM800 telah dibuat oleh perayu tanpa resit, kerana perayu telah dibenarkan mengambil kereta itu setelah membuat bayaran itu dan kerana harga yang ditetapkan bagi kereta itu ialah RM14,000 hingga RM15,000.

Dengan hormatnya saya berpendapat Majistret yang bijaksana itu telah gagal memberi pertimbangan sewajarnya kepada beberapa faktor dalam kes ini pada keseluruhannya.

Majistret yang bijaksana itu tersilap dari segi fakta apabila beliau menyatakan urusan jual beli dan penyerahan kereta itu, menurut keterangan perayu, telah dilakukan di suatu lorong berpasir. Menurut keterangan perayu, tempat yang dikatakan lorong berpasir itu ialah sebatang jalan berpasir yang sempit dalam kawasan setinggan di sekitar Terminal Bas Sri Jaya di Sentul Pasar. Jalan itu ialah tempat yang bukannya tempat tersembunyi di mana kereta itu berada apabila perayu mengambilnya untuk membuat pandu ujian. Menurut keterangan perayu, urusan jual beli dan penyerahan kereta berlaku, bukan di jalan itu tetapi di rumah Ah Hwa di mana perayu telah pergi selepas membuat pandu ujian kereta itu. Di sanalah harga kereta itu telah diletakkan dan tertuduh telah membavar RM800 dan mengambil kereta itu.

Tentang ketiadaan resit, perayu ada memberi penjelasan bahawa resit tidak dikeluarkan kerana Ah Hwa bertindak mewakili kawannya. Pada fahaman saya apa yang dimaksudkan oleh perayu ialah bahawa, pada pengertiannya, bukanlah Ah Hwa yang akan mengeluarkan resit, tetapi resit akan dikeluarkan oleh kawannya kemudian. Majistret yang bijaksana itu nampaknya tidak memberi pertimbangan kepada penjelasan itu.

Tentang soal Ah Hwa membenarkan perayu mengambil kereta selepas membayar RM800, perlu diperhatikan bahawa, menurut perayu, Ah Hwa memberitahunya bahawa kawan Ah Hwa telah gagal membuat bayaran ansuran kereta itu dan memerlukan RM800 untuk membuat bayaran supaya kereta itu tidak ditarik balik oleh syarikat kewangan yang berkenaan. Oleh kerana kereta itu menghadapi risiko ditarik balik, maka tidak hairanlah jika kawan Ah Hwa membenarkan pembelinya mengambil kereta itu setelah membayar RM800, lebih-lebih lagi memandangkan dokumen hakmilik kepada kereta itu belum dipindahkan kepada perayu. Dari

keterangan perayu, saya mendapat faham perkiraan yang dipersetujui ialah bahawa perayu akan membayar baki harga dalam tempoh dua tiga hari lagi, setelah mendapat pembiayaan, dan pada masa itulah urusan pindahmilik melalui kad pendaftaran kereta akan diselesaikan.

Tentang harga kereta itu pula, ia tidaklah membangkitkan syak. Harganya setanding dengan nilai yang disebut oleh tuan punya asal kereta itu sendiri iaitu RM15,000.

Saya percaya terdapat banyak orang, bergantung kepada latar belakang pendidikan mereka dan pengalaman mereka dalam kehidupan, yang mana, jika mereka hendak membeli kereta, tidak berhati-hati sangat tentang teknikaliti dan formaliti yang terlibat, asalkan mereka mendapat kereta, lebih-lebih lagi jika pembelian, itu ialah pembelian kereta terpakai dari orang perseorangan. Orang yang membeli kereta baru daripada syarikat kereta pun ada yang mengikut apa sahaja yang diuruskan oleh syarikat dan tidak akan berwaspada menyemak atau memastikan itu ini oleh kerana kepentingan utama mereka pada masa itu ialah mendapatkan kereta sahaja.

Pertimbangan dan tindakan seseorang itu dalam membeli sesuatu barang seperti kereta mungkin boleh ditegur oleh orang yang arif sebagai pertimbangan atau tindakan yang *naive* atau terlalu mempercayai. Hal-hal keadaan pembelian itu mungkin membuat sipembeli itu kelihatan sebagai bodoh atau jahil.

Tetapi jika secara kebetulan barang itu barang curi hal-hal keadaan sedemikian tidak semestinya boleh membawa kepada kesimpulan bahawa si pembeli itu mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai barang itu barang curi.

Dalam kes ini perayu ialah seorang juru elektrik kerja sendiri. Dia berkata dia pernah membeli sebuah kereta daripada seorang saudara tetapi dia tidak mengetahui prosedurnya.

Apabila Majistret yang bijaksana itu membangkitkan, dalam penghakimannya, persoalan sama ada tindakan perayu itu adalah munasabah dari segi amalan biasa pembelian kereta, ia menandakan bahawa beliau menghakim perayu mengikut ukuran seseorang yang cerdik, sedangkan apa yang beliau sepatutnya lakukan ialah menimbang keadaan fikiran perayu sendiri. Nampaknya seolah-olah pendirian beliau ialah bahawa, oleh kerana seseorang yang lain tidak mungkin membeli kereta dalam hal-hal keadaan yang sedemikian, sedangkan perayu telah membeli kereta itu dalam hal-hal keadaan itu, maka beliau tidak dapat menerima bahawa perayu tidak mengetahui atau tidak ada sebab untuk mempercayai kereta itu kereta curi.

Tentang beban pembuktian, Majistret yang bijaksana itu, di akhir penghakimannya, berkata beliau mendapati keterangan perayu tidak dapat dipercayai dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan terhadap kes pihak pendakwaan. Nampaknya seolah-olah, pada pendapat Majistret itu, untuk membangkitkan keraguan terhadap kes pihak pendakawaan, perayu mestilah memberi keterangan yang dapat dipercayai, sedangkan kedudukan yang sebenarnya ialah keterangan yang probabel sahaja adalah memadai.

Saya jangka bahawa kesukaran Majistret yang bijaksana itu untuk menerima cerita perayu banyak dipengaruhi oleh kegagalan perayu mengemukakan keterangan untuk membuktikan kewujudan Ah Hwa. Seseorang tertuduh itu tidaklah bertanggungjawab untuk mengemukakan apa-apa keterangan untuk menyokong pembelaannya. Apa yang seseorang Hakim perlu lakukan ialah menimbang sama ada, setelah mengkaji keterangan yang ada, keterangan perayu adalah benar atau probabel. Dalam kes ini terdapat keterangan bahawa perayu telah membawa pihak polis ke beberapa tempat untuk mencari Ah Hwa. Terdapat juga keterangan bahawa apa yang perayu ceritakan di Mahkamah pada pokoknya telah juga diceritakan dalam pernyataan hemat yang dibuat olehnya selepas dia ditangkap. Majistret yang bijaksana itu telah gagal menimbang faktor itu.

Ada satu lagi keterangan penting yang nampaknya tidak diberi pertimbangan sewajarnya oleh Majistret itu. Keterangan itu ialah bahawa, apabila perayu ditangkap semasa berada dalam kereta itu, plet nombor dan warna kereta itu adalah seperti asalnya. Soalan yang patut diberi pertimbangan ialah sama ada, jika perayu mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai kereta itu kereta curi, dia akan berani menggunakan kereta itu tanpa menukar plet nombor dan warnanya.

Atas sebab-sebab yang saya telah berikan itu, saya membenarkan rayuan ini dan saya membatalkan sabitan ke atas perayu dan mengenepikan hukuman yang dijatuhkan.

Also found at [1992] 2 CLJ 979